

Usaha sedia subsidi kos rawatan dialisis

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Usaha menyediakan subsidi pembiayaan kos rawatan dialisis akan dipergiatkan memandangkan jumlah pesakit buah pinggang tahap akhir yang memerlukan rawatan tersebut dijangka meningkat kepada 50,000 orang menjelang

tahun 2020.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, usaha untuk melihat semula sistem pembiayaan sedia ada akan dilakukan oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) dengan kerjasama kerajaan.

“Kebanyakan pesakit memerlukan rawatan dialisis tiga kali dalam sebulan dan kos rawatan berkenaan dilihat semakin meningkat saban tahun,” katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pembiayaan Rawatan Hemodialisis Kebangsaan di sini hari ini.